

1. Sebut Harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini. Salinan Sijil Kementerian Kewangan Malaysia taraf Bumiputera yang terkini bagi kerja yang berkaitan hendaklah disertakan semasa membuat pembelian sebut harga perkhidmatan di bawah:-

BIL	NAMA KERJA	TARAF & KOD BIDANG	TARIKH LAWATAN TAPAK	TARIKH JUALAN	TARIKH TUTUP	HARGA SENASKAH (RM)
1	Sebut Harga Bagi Pengawal Keselamatan di tempat-tempat berikut: a) Pejabat Majlis Perbandaran Manjung b) Dewan Merdeka, Majlis Perbandaran Manjung c) Stor Majlis Perbandaran Manjung, Seri Manjung. d) Kompleks Sukan, Majlis Perbandaran Manjung, Seri Manjung e) Bangunan Pusat Penerangan Dan Kawasan Esplanade Wing Lumut Waterfront, Lumut. f) Taman Awam Lumut Waterfront, Lumut g) Premis Perniagaan, Taman Paya Bakau, Lumut h) Pejabat Cawangan Sitiawan, Majlis Perbandaran Manjung, Sitiawan i) Tapak Pelupusan Sampah Sungai Wangi, Sitiawan j) Chalet Impian, Teluk Batik k) Galeri Pangkor, Pulau Pangkor l) Villa Korporat, Pulau Pangkor m) Bangunan Informasi, Pulau Pangkor	Bumiputera Kepala 220801 Pertahanan dan Keselamatan & Kepala 120101 Senjata, Peluru, Bahan Letupan & Aksesori	-	04.09.2015 (Jumaat) Hingga 14.09.2015 (Isnin)	14.09.2015 (Isnin) pada atau sebelum jam 12.00 tengah hari	50.00

n) Kompleks Stadium Mini, Padang Astaka, Sitiawan o) Tapak Pelupusan Sampah, Teluk Mengkudu, Segari p) Kaunter Bayaran, Pejabat Majlis Perbandaran Manjung, Seri Manjung (Kawalan Keselamatan Bersenjata) q) Tempat Letak Kereta Bertingkat, Majlis Perbandaran Manjung, Lumut (Kawalan Keselamatan Bersenjata) r) Pejabat Landskap dan Tapak Semaian, Fasa 3B, Seri Manjung MPM P/48/1 JLD.11					
--	--	--	--	--	--

2. Kontraktor yang berminat hendaklah membawa bersama Sijil Pendaftaran Asal berserta salinan yang masih sah tempoh yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia untuk semakan sebelum dibenarkan mengambil dokumen sebut harga berkaitan.

3. Kontraktor hendaklah mengemukakan penyata Kewangan Syarikat dan Profil Syarikat serta dokumen lain sebagai sokongan.

4. Tawaran sebut harga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermetri dan ditulis tajuk tawaran berkenaan di sebelah kiri bahagian atas sampul surat **tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada 14 September 2015 (Isnin)** dan boleh dimasukkan ke dalam peti sebut harga yang disediakan di :-

**Jabatan Perbendaharaan
Pejabat Majlis Perbandaran Manjung,
Jalan Pinang Raja,
32040 Seri Manjung, Perak**

5. Majlis Perbandaran Manjung tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah, tertinggi atau mana-mana tawaran sebut harga.

Sekian dimaklumkan.

**Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Manjung.**